

12 JUN 2004

Najib-Mahathir

PEMBERIAN KAYU KEPADA MUGABE TIDAK SALAH: NAJIB

BANDAR JENGKA, 12 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pemberian kayu sebagai hadiah oleh kerajaan Malaysia kepada Presiden Zimbabwe Robert Mugabe bukan satu kesalahan.

"Saya tak nampak apa-apa kesalahan dalam perkara itu, pada masa itu ada pertimbangan tertentu, keputusan telah dibuat, saya tidak nampak apa-apa kesalahan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hakmilik tanah kepada 182 peneroka Felda 19, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan anggota-anggota pembangkang di Dewan Rakyat baru-baru ini yang mempertikaikan pemberian itu kepada Presiden Zimbabwe.

Semalam bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kayu yang dihadiahkan atas kapasiti rasmi daripada seorang pemimpin negara kepada pemimpin negara lain merupakan amalan biasa yang dilakukan oleh semua ketua negara.

Dalam satu temubual dengan stesen televisyen Sky News Britain bulan lepas, Mugabe mendakwa menerima kayu daripada Malaysia untuk membina sebuah banglo bernilai RM34 juta di Harare.

Dr Mahathir semalam berkata nilai pemberian kayu itu tidak mencecah RM100,000.

Ketika ditanya sama ada laporan itu bertujuan untuk memburukkan pemimpin negara, Najib berkata: "Kita boleh andaikan macam-macam perkara tetapi hubungan kita dengan negara-negara di Afrika baik, hasil usaha yang dilakukan pimpinan pada masa itu, dan banyak syarikat Malaysia mendapat faedah daripada hubungan yang begitu akrab di Afrika dan banyak di kalangan mereka hari ini dapat menjalankan perniagaan di sana," katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata syarikat milik bukan Bumiputera perlu menerima kaum Bumiputera bagi memimpin firma mereka demi

semangat muhibbah dan sekaligus dapat memperkasakan lagi hubungan antara kaum di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata dengan mengambil pengurusan Bumiputera yang cekap menyertai firma mereka, ia akan dapat terus memberi manfaat kepada keamanan dan kestabilan negara.

"Bila kita sebut semangat muhibbah, ini bukan dalam bidang tertentu sahaja, bukan sahaja tanggungjawab kerajaan untuk memperkasakan hubungan dengan kaum tetapi sektor swasta juga perlu memainkan peranan sama," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop semalam yang meminta syarikat bukan Bumiputera bersikap terbuka untuk memberi peluang kepada Bumiputera untuk memimpin firma mereka.

"Dalam soal ini kita bukan suruh mereka mengambil pengurusan Bumiputera yang tidak cekap, kita hendak ambil mereka yang berwibawa, yang ada pengalaman dan ada kelulusan, kebanyakan mereka ini (juga) mendapat pekerjaan di syarikat multinasional di dalam dan luar, bererti mereka ada kebolehan.

"Apa salah mereka diberi jawatan oleh syarikat hak milik bukan Bumiputera di mana pelantikan mereka boleh beri nilai tambahan kepada syarikat berkenaan di samping menunjukkan mereka menyambut hasrat untuk memperkukuhkan lagi proses pelbagai budaya dalam masyarakat kita," kata Najib.

-- BERNAMA
MS MOZ